جابتن ڤلاجرن نڬري ترڠڬانو

JABATAN PELAJARAN NEGERI TERENGGANU,
JALAN BUKIT KECIL
20604 KUALA TERENGGANU,
TERENGGANU.

Telefon : *09-6213000*
09-6213001
No. Faks Pejabat Pengarah : *09-6227207*
No. Faks Sektor Khidmat Pengurusan dan Pembangunan : *09-6238415*
Laman Web : www.moe.gov.my/jpnterengganu

Ruj. Kami : P.T.05003-03/2(8
Tarikh : 24 Julai 2013

Semua Pengetua dan Guru Besar,
Sekolah-Sekolah Negeri Terengganu.

Melalui dan salinan:

Semua Pegawai Pelajaran Daerah
Pejabat Pelajaran Negeri Terengganu.

Tuan,

PENDAFTARAN APLIKASI eDAFTAR MENENGAH DAN SEKOLAH KAWALAN BAGI PERMOHONAN MURID TINGKATAN SATU(1) SESI PERSEKOLAHAN 2014 MELALUI APLIKASI PANGKALAN DATA MURID (APDM)

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacitanya, dimaklumkan Murid Tahun Enam (6) boleh memohon penempatan Tingkatan Satu (1) ke sekolah-sekolah saluran (sekolah 'feeder') yang telah ditetapkan oleh Pejabat Pelajaran Daerah masing-masing melalui Aplikasi eDaftar Menengah yang terdapat pada laman web Aplikasi Pangkalan Data Murid (APDM).

3. Sehubungan dengan itu, permohonan eDaftar Menengah secara atas talian boleh dibuat mulai 1 Ogos 2013, manakala permohonan Sekolah Kawalan dan Sekolah Berasrama Penuh (SBP) secara atas talian akan dibuka mulai 1 September 2013. Guru boleh berbuat demikian dengan melayari laman web http://apdm.moe.gov.my. Ibubapa juga boleh memohon Sekolah Kawalan dan Sekolah Berasrama Penuh (SBP) melalui alamat http://public.moe.gov.my.

4. Sebagai makluman, Guru Tahun Enam (6) boleh memuat turun Borang Permohonan Penempatan Sekolah (BPPS) melalui laman web Aplikasi Pangkalan Data Murid (APDM) untuk diedarkan kepada murid / ibu bapa di sekolah masing-masing.

5. Maklumat lanjut mengenai tarikh-tarikh pelaksanaan dan proses permohonan eDaftar Menengah dan Sekolah Kawalan boleh merujuk lampiran seperti berikut:

5.1 Standard Operating Procedure Aplikasi eDaftar Menengah dan Sekolah Kawalan – **Lampiran 1.**

5.2 Carta Aliran Proses Permohonan Murid Tahun 6 ke Tingkatan 1 Sekolah Saluran (Sekolah 'Feeder') melalui Aplikasi eDaftar Menengah APDM 2013 – **Lampiran 2.**

5.3 Carta Aliran Proses Permohonan Murid Tahun 6 ke Tingkatan 1 Sekolah Kawalan dan Sekolah Berasrama Penuh (SBP) melalui Aplikasi Sekolah Kawalan APDM 2013 – **Lampiran 3.**

Manual penggunaan eDaftar Menengah dan Sekolah Kawalan boleh dimuat turun melalui laman web Aplikasi Pangkalan Data Murid (APDM) sebagai rujukan pihak sekolah.

6. Mohon pihak sekolah mematuhi tarikh-tarikh pelaksanaan dan prosedur kerja yang telah ditetapkan bagi memastikan proses permohonan melalui Aplikasi eDaftar Menengah dan Sekolah Kawalan berjalan dengan lancar. Sebarang pertanyaaan boleh menghubungi Penolong PPD Pengurusan Murid di daerah masing-masing.

Sekian, terima kasih.

"Guru Penyayang Murid Berkualiti"
'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,

(HJ. MD YASIN BIN MOHD SALLEH)
Ketua Sektor,
Sektor Pengurusan Sekolah.
b.p. Pengarah Pelajaran Negeri Terengganu

s.k. i. Pengarah Pelajaran Negeri Terengganu.
ii. Fail Timbul.

NO/robi...pengurusan murid menengah

LAMPIRAN 1

STANDARD OPERATING PROCEDURE(SOP)

Aplikasi eDaftar Menengah & Sekolah Kawalan Melalui APDM bagi Sesi Persekolahan 2014

Bil	Prosedur Kerja	Tarikh Pelaksanaan	Tindakan
	Aplikasi eDaftar Menengah-Permohonan murid ke Tingkatan 1 ke Sekolah Saluran(Sekolah 'Feeder')		
1	Permohonan Tingkatan 1 melalui eDaftar Menengah oleh pihak sekolah	1 Ogos 2013-5 Sept 2013	Guru Kelas Tahun 6
1(i)	- Guru Kelas membuat permohonan atas talian berdasarkan BPPS		Guru Kelas Tahun 6
1(ii)	-Guru Besar membuat pengesahan permohonan		Guru Besar
2	Cetakan Surat Penempatan oleh Sekolah Rendah	1 Nov 2013-9 Nov 2013	PK HEM/Guru Kelas Tahun 6
3	Pengedaran Surat Penempatan ke Sekolah 'feeder' kepada murid Tahun 6	10-14 Nov 2013	PK HEM/Guru Kelas Tahun 6
4	Pengesahan pendaftaran murid Sekolah 'feeder' di Sekolah Menengah	10-14 Nov 2013	PK HEM/Guru Kelas Ting. 1
5	Permohonan rayuan secara atas talian di Sekolah Menengah	11 Nov - 23 Nov 2013	PK HEM/Guru Kelas Ting. 1
6	Sekolah Menengah asal cetak Surat Kelulusan Rayuan	9-14 Dis 2013	Guru Kelas Tingkatan 1
7	Pengesahan pendaftaran kes rayuan di Sekolah Menengah (baru)	16-21 Dis 2013	Sekolah Menengah/Guru Kelas Tingkatan 1
8	Penempatan murid ke kelas baru	26-31 Dis 2013	Sekolah Menengah/Guru Kelas Tingkatan 1
	Aplikasi Sekolah Kawalan- Permohonan murid ke SBP & Sekolah Kawalan		
9	Permohonan Sekolah Kawalan & SBP melalui APDM	1 Sept 2013-15 Okt 2013	Guru kelas Tahun 6
9(i)	-Guru kelas membuat permohonan atas talian berdasarkan cetakan borang permohonan dari laman web public.moe		
10	Pengesahan permohonan Sekolah Kawalan & SBP	1 Sept 2013- 4 Nov 2013	Guru Besar/Pengetua
11	Pengesahan pendaftaran Sekolah Kawalan & Rayuan pendaftaran Sekolah Kawalan	16 Dis 2013 -21 Dis 2013	PK HEM/Guru Kelas Ting 1
12	Rayuan Pendaftaran SBP	23-25 Dis 2013	Pemohon

CARTA ALIRAN PROSES PERMOHONAN MURID TAHUN 6 KE TINGKATAN 1 SEKOLAH SALURAN(SEKOLAH 'FEEDER') MELALUI APLIKASI eDaftar MENENGAH APDM 2013

Tindakan: PK HEM/Guru Kelas Tahun 6 SK /Guru Kelas Ting 1 Sekolah Saluran(SMK)



Ibu bapa memohon melalui ***Borang Permohonan Penempatan Sekolah(BPPS)***

Borang permohonan bersama-sama dengan salinan sijil yang disahkan dihantar kepada Guru Kelas.

Guru Besar membuat pengesahan pada borang permohonan murid dan direkod bagi simpanan sekolah.

Guru Kelas Tahun 6 menyemak maklumat murid bagi tujuan pengemaskinian.

Guru Kelas Tahun 6 mengemaskini permohonan murid di ***Aplikasi eDaftar Menengah APDM*** berdasarkan borang permohonan yang diterima.

Klik butang **'Kemaskini'** untuk menghantar permohonan.

Guru Besar klik butang **'Sahkan'** bagi tujuan pengesahan permohonan dan data murid.

Cetak **Surat Penempatan Murid** selepas kelulusan dibuat oleh PPD/JPN seperti pada tarikh yang ditetapkan dan diserahkan kepada murid.

Murid daftar di sekolah 'feeder'(Sekolah Menengah) bersama-sama ibu bapa/penjaga serta surat penempatan & permohonan **Rayuan** secara atas talian di sekolah 'feeder'(Jika ada) pada tarikh yang ditetapkan.

Tamat

CARTA ALIRAN PROSES PERMOHONAN MURID TAHUN 6 KE TINGKATAN 1 SEKOLAH KAWALAN & SBP MELALUI APLIKASI SEKOLAH KAWALAN APDM 2013

Tindakan: PK HEM/Guru Kelas Tahun 6/Guru Kelas Ting 1 Sekolah Kawalan



Ibu bapa memohon secara atas talian melalui ***http://public.moe.gov.my***

Cetak borang permohonan yang telah lengkap diisi.

Borang permohonan bersama-sama dengan salinan sijil yang disahkan dihantar kepada Guru Kelas.

Guru Besar membuat pengesahan pada borang permohonan murid dan direkod bagi simpanan sekolah.

Guru Kelas Tahun 6 menyemak maklumat murid bagi tujuan pengemaskinian.

Guru Kelas Tahun 6 mengemaskini permohonan murid di ***Aplikasi Sekolah Kawalan APDM*** berdasarkan borang permohonan yang diterima.

Klik butang ***'Kemaskini'*** untuk menghantar permohonan.

Guru Besar klik ***'Pengesahan'*** pada baris nama murid kemudian klik ***'Sahkan Permohonan'*** bagi tujuan pengesahan permohonan dan data murid dengan menggunakan **login Guru Besar.**

Murid daftar di sekolah yang ditawarkan setelah kelulusan dibuat oleh JPN/PPD pada tarikh yang ditetapkan & permohonan rayuan(jika ada).

Tamat